

**EMBARGO**



## **Kementerian Wilayah Persekutuan**

### **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN,  
BINTANG DAN PINGAT  
WILAYAH PERSEKUTUAN 2022**

**PADA  
8 FEBRUARI 2022 [SELASA]  
BERSAMAAN 6 REJAB 1443 HIJRAH**

**BERTEMPAT  
DI BALAIRUNG SERI, ISTANA NEGARA,  
KUALA LUMPUR**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Alhamdulillahi Rabbil Alamin Wassolatu Wassolamu  
Ala Ashrafil Anbiyar Iwar Mursolin Waala Alihi  
Wasobihi Aj'main**

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Sejahtera**

**Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri  
Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan  
Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni  
Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah  
dan Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah  
Aminah Maimunah Iskandariah binti Al-Marhum Al-  
Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.**

**Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,  
Sembah patik mohon diampun.**

**Terlebih dahulu dengan penuh hormat dan takzimnya, patik sekalian merafakkan sembah dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku berdua atas limpah perkenan berangkat hadir bercemar duli di Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan 2022.**

**Sesungguhnya, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku berdua ke istiadat ini amat besar maknanya buat patik dan sekalian rakyat Wilayah Persekutuan, yang melambangkan keprihatinan tidak ternilai seorang raja dan permaisuri yang berjiwa rakyat.**

**Istilah ‘raja dan rakyat berpisah tiada’ amat sinonim dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku. Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku berdua bercemar duli menyantuni mangsa-mangsa bencana banjir dan tanah runtuh baru-baru ini jelas**

**menzahirkan keperibadian mulia dan kasih sayang terhadap rakyat sekalian.**

**Negara dan rakyat amat bertuah dapat bernaung di bawah payung pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku yang sentiasa mengambil berat terhadap kemaslahatan segenap rakyat.**

**Ampun Tuanku,**

**Kerajaan Persekutuan diterajui oleh Mamanda Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob juga cukup prihatin akan kesulitan rakyat.**

**Baru-baru ini kerajaan Tuanku mengumumkan Bantuan Banjir Keluarga Malaysia dengan peruntukan lebih RM2.03 bilion.**

**Patik juga menyembah maklum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan bersama agensi-agensinya turut terlibat sebagai sukarelawan banjir. Bantuan tidak hanya diberikan di Wilayah Persekutuan, tetapi juga di negeri-negeri lainnya iaitu Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.**

**Ampun Tuanku,**

**Suka patik berkongsi akan pelbagai bantuan dihulurkan kepada golongan miskin, miskin tegar dan yang terjejas di Wilayah Persekutuan, termasuklah agihan 52,000 bakul makanan pada tahun lepas.**

**Sejumlah 178 kawasan perumahan rendah dan sederhana rendah di Kuala Lumpur juga telah mendapat manfaat melalui program MY5@Wilayah yang bertujuan untuk meringankan kos sara hidup golongan miskin bandar iaitu MYJob, MYSchoolBus, MYMedic, MYGrocer dan MYFood.**

**Manakala yang terbaharu ialah, Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota bagi membantu belia yang hilang pekerjaan, kekurangan punca pendapatan dan graduan-graduan menganggur untuk menjadi usahawan.**

**Ampun Tuanku,**

**Kementerian patik komited agar setiap warga Wilayah Persekutuan memiliki rumah sendiri yang selesa didiami.**

**Ini termasuklah program Residensi Prihatin Keluarga Malaysia berharga di bawah RM200,000 yang disasarkan untuk golongan B40. Manakala untuk M40, Residensi Wilayah Keluarga Malaysia, ditawarkan di bawah harga RM300,000.**

**Program Baiti Jannati Keluarga Malaysia pula memberi peluang kepada penyewa sedia ada iaitu miskin tegar dan miskin di Perumahan Awam serta Projek Perumahan Rakyat untuk memiliki unit kediaman, selain pembinaan tambahan 5,000 unit Council Home untuk disewa warga kota, seperti yang telah diumumkan oleh Mamanda YAB Perdana Menteri Sabtu lepas.**

**Ampun Tuanku,**

**Dewasa ini ketersediaan infrastruktur terkini dan tercanggih, berkait rapat dengan pembangunan dan kecemerlangan ekonomi negara, maka menyedari hakikat ini, pembangunan infrastruktur**

**dan ekonomi di Wilayah Persekutuan sentiasa menjadi hala tuju dan keutamaan.**

**Kerajaan tuanku telah merancang pembinaan Jambatan Labuan-Sabah, yang kini di peringkat penilaian dokumen *Request for Proposal* (RfP). Jambatan Labuan-Sabah ini mampu bertindak sebagai ‘game-changer’ ke arah Labuan yang lebih dinamik dan berdaya maju.**

**Ampun Tuanku,**

**Kementerian patik tidak ketinggalan merangka agenda pembangunan untuk masa hadapan secara mampan, berdaya huni dan pintar, berkonsepkan ‘Our City Our Home’. Wilayah Persekutuan komited untuk menyediakan persekitaran kondusif serta selamat kepada warganya dan menyasarkan menjadi bandar pintar menjelang 2030.**

**Antara yang telah disusun ialah Rancangan Tindakan Digital Ekonomi Wilayah Persekutuan 2040, Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040, Pelan Pembangunan Bandar Rendah Karbon Putrajaya 2025, Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050 dan Sustainable Development Goals 2030.**

**Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun,  
Sembah Patik Pohon Diampun.**

**Bersempena Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan 2022 ini, seramai 263 individu mendapat ampun limpah perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku untuk dikurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat.**

**Pengurniaan ini berdasarkan kepada khidmat bakti dan jasa yang dicurahkan kepada Wilayah Persekutuan dan juga Negara. Semoga ini dapat menyuntik semangat dan komitmen yang tinggi**

**untuk terus menabur bakti dan jasa kepada negara  
serta Wilayah Persekutuan khususnya.**

**Patik sekalian di bawah jajahan takluk Kebawah  
Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku  
dengan penuh hormat dan takzimnya menjunjung  
kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka  
Baginda Tuanku atas pengurniaan ini, serta  
menyampai ikrar taat setia tidak berbelah bahagi.**

**Ampun Tuanku,**

**Akhir kalam, patik bagi pihak hamba rakyat  
Wilayah Persekutuan dan muda-mudi watan  
dengan penuh rasa kasih mesra, memohon doa  
semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala melanjutkan  
usia dan melimpahkan rahmat-Nya ke atas  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka  
Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli  
Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja  
Permaisuri Agong, serta seluruh kerabat diraja.**

**Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah**  
**Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**  
**Menjunjung Kasih Tuanku.**  
**Daulat Tuanku.**